

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	4 APRIL 2015

Tidak wajar minta tolong Dr. Mahathir

UM - 4/4/2015

KUALA LUMPUR 3 April - Pengerusi Solidariti Mahasiswa Malaysia (SMM), Badrul Hisham Shaharin mempersoalkan tindakan seorang ahli Parlimen pakatan pembangkang yang meminta pertolongan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi menghadapi isu Malaysia Development Berhad (IMDB).

Beliau yang lebih dikenali sebagai Chegubard berkata, perkara tersebut ditimbulkan kerana bekas Perdana Menteri itu juga terlibat dalam banyak isu kehilangan besar wang negara ketika era pentadbirannya.

Badrul Hisham mendakwa airtara kontroversi yang membabitkan kredibiliti Dr. Mahathir tersebut adalah skandal Forex, Perwaja, Bank Bumiputera, Maminco-Makuwasa dan Konsortium Perkapalan.

"Saya tidak faham mengapa ahli Parlimen pakatan itu mahu meminta pertolongan daripada Dr. Mahathir kerana Dr. Mahathir juga terpalit dengan beberapa persoalan sebelum ini," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Sementara itu, Badrul Hisham mencabar ahli Parlimen pakatan berkenaan untuk mendesak agar

siasatan juga dilakukan terhadap kehilangan wang negara ketika era pentadbiran Dr. Mahathir.

"Sebahagian masalah hari ini kerana Najib (Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak) terpaksa menanggung dan mewarisi banyak beban termasuk subsidi IPP (penjana tenaga bebas) yang dianugerahkan kepada kroni tertentu.

"Saya dan kawan-kawan mahu ahli Parlimen tersebut mendepani Najib dengan berani tetapi untuk meminta pertolongan Dr. Mahathir adalah tidak wajar," katanya yang juga aktivis Parti Keadilan Rakyat (PKR).